

SEJARAH TAREKAT NAQSHABANDIYAH KHALIDIYAH DI BABUSSALAM, TANJUNG PURA, LANGKAT DAN AJARAN-AJARAN DASARNYA

Zikmal Fuad¹

Abstrak

Artikel ini membicarakan sejarah Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah di Babussalam, Tanjung Pura, Langkat, dan ajaran-ajaran dasarnya. Ia mengenal pasti ketokohan Abdul Wahab Rokan dalam menyebarkan ajaran tarekat. Kajian ini menggunakan metode analisis kandungan dan pensejarahan iaitu bahan-bahan yang berkaitan telah dirujuk dan dianalisis. Hasil kajian mendapati bahawa Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pura, Langkat telah menjadi faktor utama kepada perkembangan pesat Tarekat Naqshabandiyah di Indonesia melalui ketokohan Abdul Wahab Rokan. Sebelas ajaran dasar tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah menjadi asas dan amalan tarekat pimpinan Abdul Wahab Rokan yang diperturunkan kepada para pengikutnya.

Kata kunci: tarekat, Naqshabandiyah, Khalidiyah, Babussalam, ajaran dasar tasawuf

THE HISTORY OF THE NAQSHABANDIYAH KHALIDIYAH TAREKAT IN BABUSSALAM, TANJUNG PURA, LANGKAT AND ITS FUNDAMENTAL TEACHINGS

Abstract

This article discusses the history of the Naqshabandiyah Khalidiyah Tarekat in Babussalam, Tanjung Pura, Langkat, and its fundamental teachings. It identifies the scholarship of Abdul Wahab Rokan in disseminating the teachings of the tarekat. The study employs historical and content analysis methods, in which the related materials are referred to and analysed. The findings reveal that the Naqshabandiyah Khalidiyah Tarekat in Tanjung Pura, Langkat has been the main factor for the rapid expansion of the Naqshabandiyah Tarekat in Indonesia through the scholarship of Abdul Wahab Rokan. Eleven fundamental teachings of the Naqshabandiyah Khalidiyah tarekat become the basis and practice of the tarekat led by Abdul Wahab Rokan, which are inherited by his followers.

Keywords: tarekat, Naqshabandiyah, Khalidiyah, Babussalam, tasawuf fundamental teachings

¹ Zikmal Fuad, PhD, adalah Tuan Guru Babussalam di Langkat, Sumatera Utara, Indonesia.

Pendahuluan

Perdebatan tentang tarekat dan ajarannya terus berlangsung. Hal ini disebabkan adanya perbezaan pendapat dalam memahami teks-teks yang bersumber dari al-Quran dan al-Hadith. Bahkan sesetengah pihak mengatakan bahawa tarekat dan ajarannya tidak bersumber dari al-Quran dan al-Hadith dan pendekatan atau jalan yang ditempuh oleh sufi telah menyeleweng dari tuntunan syarak. Sementara pihak yang mempertahankan mengatakan bahawa tarekat bersumber dari al-Quran dan al-Hadith.

Apabila menilik ke belakang, ternyata para pendiri tarekat merupakan tokoh-tokoh besar dari kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah bahkan mereka ahli dalam pelbagai bidang ilmu seperti ilmu fekah, tauhid dan hadis. Apabila ditemukan penyelewengan-penyelewengan dalam tarekat, maka ianya berpunca dari kurangnya ilmu syariat atau boleh jadi pengkaburan dari pihak-pihak yang tidak suka dengan tarekat mahupun pihak yang mencari-cari kesalahan dalam tarekat.

Menurut penulis, tarekat adalah khazanah kerohanian dalam Islam dan dapat mempengaruhi perasaan dan fikiran setiap individu muslim serta memiliki peranan yang sangat penting dalam proses pembinaan mental masyarakat. Oleh itu, tarekat diperlukan sebagai pedoman dalam upaya menyelesaikan pelbagai masalah kehidupan umat melalui pendekatan kerohanian dalam mendekati diri kepada Allah SWT.

Perbahasan tentang tarekat adalah sangat luas, seperti ajaran dasar, salasilah, zikrullah dari pelbagai tingkatan, kaifiyat dan adab berzikir, masalah rabitah, berkhalwat (suluk), mursyid, khatam khawajakan, adab murid kepada Syeikh dan kepada dirinya, serta adab kepada teman, wasilah, dan masalah meninggalkan makan daging dan lain-lain.

Tulisan ini akan memfokuskan pada sejarah perkembangan dan sebelas ajaran dasar dalam Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah serta ketokohan Abdul Wahab Rokan dalam menyebarkan ajaran tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah.

Perkembangan Tarekat Naqshabandiyah

Tarekat Naqshabandiyah merupakan salah satu tarekat *muktabarah* yang bersambung sanadnya kepada Nabi Muhammad SAW. Pendiri tarekat ini iaitu Muhammad bin Baha' al-Din

Bukhari al-Naqshabandi. Beliau dilahirkan di Bukhara, Rusia tahun 717H/1318H, dan wafat pada tahun 791H/1389 di Bukhara.²

Dalam perkembangannya di dunia Islam, Tarekat Naqshabandiyah berjaya mendapatkan pengikut dari pelbagai belahan dunia, disebabkan sikap para pembawanya (kaum sufi) yang *tasamuh* dan penuh kasih sayang dalam menyebarkan ajarannya. Di sisi lain ajaran yang dibawa kaum sufi mampu menyesuaikan diri dengan budaya masyarakat tempatan.

Dakwah Islam dan ajaran tarekat yang disebarkan oleh kaum sufi berkembang dan berjaya dengan pantas. Kejayaan itu ditentukan oleh pergaulan mereka dengan kelompok-masyarakat dari pelbagai lapisan masyarakat.

Para sufi berusaha dengan hati-hati dan bijaksana merubah kebiasaan-kebiasaan lama yang bercanggah dengan ajaran Islam. Selain itu, Tarekat Naqshabandiyah disebarkan secara sistematik dan tersusun dengan baik, bahkan tarekat ini mempunyai ciri-ciri tertentu.

Sri Mulyati³ dalam bukunya *Tarekat-tarekat Muktabaroh di Indonesia* memberikan ciri-ciri yang menonjol dalam tarekat ini, iaitu:

- a. Mengikuti syariat secara ketat, ketaatan dalam beribadah dan menolak muzik dan tari dalam ibadah dan lebih menyukai berzikir dalam hati.
- b. Memberi perhatian dan pengaruh kepada kehidupan dan pemikiran golongan penguasa, mendekati negara pada agama, serta berusaha untuk mengubah pandangan mereka melalui gerakan politik.
- c. Membebaskan tanggung jawab yang sama kepada para penguasa sebagai usaha untuk memperbaiki masyarakat.

Perkembangan Tarekat Naqshabandiyah bermula di kawasan Asia Tengah sehingga sampai ke India dan Turki. Kemudian tarekat ini berkembang dengan cepat merentas ke pelbagai daerah-

² Imran Abba, *Di sekitar Masalah Tarekat Naqsyabandiyah* (Kudus: Menara Kudus, 1980), 26.

³ Sri Mulyati, *Tarekat-tarekat Muktabaroh di Indonesia* (Jakarta: Kencana, 2004), 91.

daerah kecil dan besar di antaranya Samarkand, Cina, Turkestan, Afganistan, Iran, India dan daerah-daerah lainnya.⁴

Hal lain yang mempengaruhi perkembangan tarekat Naqshabandiyah dengan cepat ialah munculnya cabang baru dalam tarekat, seperti tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah. Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah ini telah mengalami pembaharuan pada zaman Khalid al-Baghdadi (1779M/1993H-1827M-1242H).⁵

Pembaharuan yang dilakukan oleh Khalid al-Baghdadi ialah membawa tarekat ke arah yang lebih moden dan tidak fokus dalam masalah keagamaan sahaja. Para murid Tarekat Naqshabandiyah dituntut untuk lebih peduli terhadap aspek keduniaan; seperti peduli terhadap dunia politik dan peduli tentang kemaslahatan umat.⁶ Namun tidak dinafikan ada sesetengah dari kalangan pengikut tarekat ini yang tetap bertahan dengan sistem yang lama.

Khalid al-Baghdadi memiliki peranan penting dalam perkembangan Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah, bahkan keturunan dan pengikut beliau dikenali sebagai Khalidiyah. Khalid al-Baghdadi disebut sebagai tokoh pembaharu Islam pada abad ke-13.⁷

Pengaruh Khalid al-Baghdadi mencapai puncaknya pada abad ke-19 dan abad ke-20. Tarekat ini tersebar luas ke pelbagai daerah di Arab, Afrika, Asia Tengah bahkan sampai ke Asia Tenggara terutamanya Indonesia dan Malaysia.⁸

Adapun ulama yang menyebarkan tarekat Naqshabandiyah di Sumatera Indonesia adalah Ismail al-Minangkabawi. Beliau dilahirkan di Teluk Belanga, Simabur Tanah Datar, Sumatera Barat pada tahun 1712M. Wafat di tempat kelahirannya pada tahun 1844M dalam umur 132 tahun.⁹

Ismail al-Minangkabawi disebut sebagai pelopor ajaran tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah di Minangkabawi khususnya

⁴ Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning: Pesantren dan Tarekat* (Bandung: Mizan, 1995), 34.

⁵ Masyhuril Abdul Aziz, *Ensiklopedi 22 Aliran dalam Tasawuf* (Surabaya: Intiyaz, 2011), 179.

⁶ Sri Mulyati, *Tarekat-tarekat Muktabarah di Indonesia*, 91.

⁷ Masyhuril Abdul Aziz, *Ensiklopedi 22 Aliran dalam Tasawuf*, 179.

⁸ Hamid Algar, *The Naqsyabandi Order: A Preliminary Survey of its History and Significance* (Jakarta: Studi Islamika, 1979), no. 44, 149.

⁹ H.M. Bibit Suprpto, *Ensiklopedi Ulama Nusantara* (Indonesia: Gelegar Media Indonesia, 2009), 436.

di Indonesia dan Malaysia. Beliau adalah ulama ahli feqah, kalam dan tasawuf.¹⁰

Selepas pemergian Ismail al-Minangkabawi tampil seorang tokoh kenamaan iaitu Abdul Wahab Rokan. Beliau dilahirkan pada 19hb Rabi'ul Akhir 1230H. bertepatan dengan 28hb September 1811 M. di Kampung Danau Runda, Rantau Binuang Sakti, Riau. Wafat pada 21hb Jamadil awal 1345H bertepatan dengan 27hb Disember 1926 M. di Babussalam, Tanjung Pura, Langkat Sumatera Utara.¹¹

Menurut W. Muhd. Shaghir,¹² Abdul Wahab Rokan adalah wali kenamaan, 'Syeikh Murshid Kammil Mukammil' (penyempurna ajaran tarekat Syeikh Ismail al-Minangkabawi) yang memiliki *karamah* yang banyak. Beliau adalah murid kesayangan seorang ulama yang sangat terkenal, iaitu Sulayman Zuhdi di Jabal Abi Qubais, Mekah.

Abdul Wahab Rokan (1811-1926M) atau biasa disebut dengan Tuan Guru Besilam Langkat adalah satu dari ulama Nusantara yang punya nama besar dan mendunia melampaui tanah kelahiran dan daerah asalnya. Bagi masyarakat Langkat Sumatera Utara, Abdul Wahab Rokan adalah lambang peradaban dan perkembangan keislaman.

Ketokohan Abdul Wahab Rokan sebenarnya tidak jauh berbeza dengan ulama-ulama Nusantara lainnya, seperti Abd al-Shamad al-Falimbani, Hamzah al-Fansuri, Nuruddin al-Raniri, Abdul Rauf al-Singkili dan Yusuf al-Makasari dan lain-lain. Kealiman, kezuhudan, aktiviti dan produktivitinya dalam berkarya dan berdakwah meninggalkan khazanah yang serasa tidak pernah habis digali oleh generasi sekarang.

Wan Mohd Shaghir¹³ menyebutnya seorang ulama yang sangat menonjol di pesisir Timur Sumatera hingga ke Malaysia terutama Johor dan Singapura. Tokoh sejarawan Belanda, Martin van Bruinessen menulis tentang Abdul Wahab Rokan,

¹⁰ H.M. Bibit Suprpto, *Enseklpedi Ulama Nusantara*, 436.

¹¹ Hj. W. Muhd. Shaghir Abdullah, *Syekh Ismail al-Minangkabawi Penyiar Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah* (Cet. 1, Solo: CV Ramadhani, 1985), 62.

¹² W. Muhd. Shaghir, *Syekh Ismail al-Minangkabawi Penyiar Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah*, 62.

¹³ Wan Muhd. Shaghir, *Syeikh Ismail al-Minangkabawi Penyiar Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah*, 62.

Seorang Syeikh Melayu (Abdul Wahab Rokan), hanya dengan sendirian sahaja mempunyai pengaruh di kawasan Sumatera dan Malaya sebanding dengan apa yang dicapai para Syeikh Minangkabawi seluruhnya”.¹⁴

Salah satu ciri khas aksi dakwah Abdul Wahab Rokan dalam mengembangkan dan mengajarkan Islam dan ajaran tarekat ke seluruh pelosok negeri ialah dengan membuka kawasan-kawasan baharu untuk dijadikan sentral dakwahnya. Dakwah pertamanya dimulai dari Kubu, Bagan Siapiapi, Riau dan menjadikan Babussalam atau Besilam sebagai pangkalan terakhirnya.¹⁵

Babussalam dijadikan sentral penyebaran dakwah dan ajaran tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah di Sumatera sehingga ke Malaysia. Bahkan 80% ajaran tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah di Malaysia, khususnya di Selangor muaranya adalah dari Babussalam.¹⁶

Menurut Majelis Ulama Indonesia Sumatera Utara, selama kurun waktu 72 tahun (1854-1926 M). Beliau berjaya mengasaskan lima buah perkampungan. Iaitu Kampung Masjid di Kubu Riau (1854 M), Kampung Masjid di Dumai Riau (1856 M), Kampung Masjid di Labuhan Batu Sumatera Utara (1860 M), Kampung Besilam di Langkat Sumatera Utara (1883 M, Kampung Darussalam di Batu Pahat Malaysia (1890 M).¹⁷

Abdul Wahab Rokan telah melahirkan murid-murid yang hebat dalam masyarakat. Dari Abdul Wahab Rokan inilah berkembangnya Tarekat Naqshabandiyah ke Malaysia kerana beliau telah melantik pembantunya sebagai khalifah dalam memimpin masyarakat melaksanakan amalan-amalan tarekat.¹⁸

¹⁴ Martin van Bruinessen, *Tarekat Naqsyabandiyah di Indonesia* (Bandung: Mizan, 1992), 135.

¹⁵ Ahmad Fuad Said, *Syekh Abdul Wahab Tuan Guru Babussalam* (Cet. 9, Medan: Pustaka Babussalam 2001), 57.

¹⁶ Ismail Royan, *Ajaran Tarekat Naqshabandiyah di Malaysia* (Bangi: Bandar Seri Putra, t.t.). Dalam tembual bersama beliau pada 12 September 2017.

¹⁷ Majelis Ulama Indonesia Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-ulama Terkemuka di Sumatera Utara* (Medan: Institut Agama Islam Negeri Aljamaiah Sumatera Utara, 1983).

¹⁸ Mohd Haidhar Kamarzaman, “Pengenalan Terhadap Institusi Tasawuf di Malaysia: Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah” (Proceeding 3rd International Seminar on Islamic Thought, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018).

Dari 218 murid yang dilantik sebagai khalifah, 7 orang murid di antaranya dari Malaysia. Mereka adalah Umar bin Haji Muhammad al-Khalidi, Syeikh Junet Tola, Khalifah Haji Muhammad dan Khalifah Haji Zakaria (Johor). Khalifah Haji Muhammad Said al-Kalantani (Kelantan). Khalifah Haji Muhammad Saleh (Kelang, Selangor), dan Khalifah Muhammad Syarif (Perak).¹⁹ Para murid tersebut bukan sahaja telah memberi khidmat yang besar di dalam masyarakat namun mereka juga giat menyebarkan ajaran Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah di Malaysia.

Ajaran Dasar

Terdapat sebelas asas tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah, lapan di antara asas tersebut berasal dari Abd al-Khaliq al-Ghujduwani, kemudian ditambah oleh Baha' al-Din al-Naqshabandi.²⁰

Asas-asas tersebut disebutkan satu persatu dalam banyak risalah, termasuk dalam dua kitab utama yang menjadi pegangan utama para pengikut tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah, iaitu *Jami' al-Usul fi al-Auliya'* karya Ahmad Dhiya al-Din Musthafa al-Kamisykhawani dan kitab *Tanwir al-Qulub* yang dikarang oleh Muhammad Amin al-Kurdi.

Adapun sebelas asas tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah yang dimaksudkan ialah:

1. Yad Kard

Ia bermaksud ingat atau zikir. Kard adalah kata kerja bagi ingat iaitu mengingati Allah SWT. M. Yaqdum,²¹ menyebut bahawa *yad kard* bermaksud melakukan zikir mengingati Allah SWT dengan menghadirkan hati. Murid yang telah dibai'ah dan ditalqin dengan zikir yang diajar oleh seorang guru dituntut untuk senantiasa sibuk mengingati Allah SWT. Zikir yang telah ditalqinkan oleh seorang Syeikh adalah zikir yang akan membawa seseorang murid itu mencapai ketinggian darjat rohani. Guru akan

¹⁹ Zikmal Fuad, *Sejarah dan Metode Dakwah Syeikh Abdul Wahab Rokan* (Jakarta: t.pt., 2002), 31.

²⁰ Ahmad Fuad Said, *Hakikah Tarikat Naqsyabandiyah* (Cet. 3, Jakarta: PT al-Husna Zikra, 1999).

²¹ Muhammad Yaqdum, dalam temu bual dengan penulis, 16 Februari 2017.

mentalqinkan zikir kepada muridnya dengan zikir ismu zat mahupun zikir nafi isbat secara lisan ataupun qalbi.

Seorang murid dituntut untuk berzikir sebanyak-banyaknya dan sentiasa menyibukkan dirinya dengan berzikir dalam segala keadaan. Ada sebahagian Syeikh yang menetapkan jumlah awalnya sebanyak lima ribu kali sehari semalam dan ada juga yang menetapkannya sehingga sebelas ribu sehari semalam. Seterusnya seorang murid mengkhabarkan segala pengalaman rohaniahnya kepada Syeikh apabila menerima Warid tersebut. Begitulah pada setiap *laṭīfah*, murid hendaklah berzikir sebanyak-banyaknya pada kesemua *laṭīfah* seperti yang diarahkan oleh Syeikh hingga tercapainya warid.²²

Seorang murid dituntut memelihara zikir dengan hati dan lidah dengan menyebut Allah, Allah, Allah serta menyebut zikir nafi isbat *lā ilāh illā Allāh* dengan sebanyak-banyaknya. Salik hendaklah melakukan zikir nafi isbat sehingga dia mencapai kejernihan hati dan tenggelam di dalam Muraqabah. Zikir-zikir ini akan membersihkan hati dan membawa seseorang itu kepada musyahadah.

Menurut M.Yaqdum,²³ seorang murid yang baru memulai zikir hendaklah menutup kedua matanya, menutup mulutnya, merapatkan giginya, menongkatkan lidahnya ke langit-langit dan menahan nafasnya. Dia hendaklah mengucapkan zikir ini dengan hatinya bermula dari kalimah nafi dan dilanjutkan ke kalimah isbat. Tetapi bagi murid yang telah lama hendaklah membukakan kedua matanya dan tidak perlu menahan nafasnya.

Bermula dari kalimah Nafi iaitu *lā* yang bererti tiada, hendaklah menarik kalimah *lā* ini dari bawah pusatnya ke atas hingga ke otak. Apabila kata *lā* mencapai otak, ucapkan pula kalimah *ilāh* di dalam hati yang bererti tuhan. Lalu digerakkan dari otak ke bahu kanan sambil menyebut *illā* yang bererti melainkan, dan menghentakkan kalimah isbat iaitu Allah ke arah *laṭīfah qalb*. Sewaktu menghentakkan kalimah Allah ke arah *qalb*, hendaklah merasakan bahawa kesan hentakan itu mengenai kesemua *laṭā'if* di dalam diri. Zikir yang sebanyak-banyaknya akan membawa seorang salik itu mencapai kepada kehadiran zat Allah SWT dalam wujudnya secara *zihni* yakni di dalam fikiran.

²² Muhammad Yaqdum, dalam temu bual dengan penulis, 16 Februari 2017.

²³ Muhammad Yaqdum, dalam temu bual dengan penulis, 16 Februari 2017.

Seorang murid dituntut untuk berzikir dalam setiap nafas yang keluar dan masuk.

2. *Baz Gasht*

Ia bermaksud kembali, maksudnya adalah seorang murid yang melakukan zikir dengan menggunakan lidah hati menyebut Allah, Allah, Allah dan *lā ilāh illā Allāh*, hendaklah mengucapkan di dalam hatinya dengan penuh khusyuk kalimah tauhid *lā ilāh illā Allāh* ketika berhenti sebentar di antara dua nafas, harus kembali bermunajat kepada Allah dengan membaca:

إلهي أنت مقصودي ورضاك مطلوبي أعطني محبتك ومعرفتك

Terjemahan: Ya Tuhanku, Engkaulah tempatku memohon dan kerediaan-Mu lah yang ku harapkan, berikan aku rasa cinta dan makrifat kepada-Mu.

Ucapan ini akan meningkatkan tahap kesedaran kepada wujud dan KeEsaan zat Tuhan, sehingga mencapai suatu tahap di mana segala wujud dari makhluk terhapus pada pandangan matanya. Segala apa yang dilihatnya ke mana sahaja dia memandang, maka yang terlihat hanyalah Allah SWT. Ucapan kata-kata ini juga memberikan pengertian bahawa hanya Allah SWT yang menjadi maksud dan keinginan, tidak ada tujuan lain selain untuk mendapatkan kerediaan-Nya.

3. *Nigah Dasyt*

Nigah bermaksud menjaga, mengawasi, memelihara dan *dasyt* pula bererti melakukannya dengan bersungguh-sungguh. Maksudnya ialah apabila seorang murid mahu memulakan zikir, hendaklah sentiasa memelihara hati dari segala khatrah (lintasan hati) dan was-was dari godaan syaitan dengan bersungguh-sungguh dan tidak membiarkan khayalan kedukaan memberi kesan pada hati.

Seorang murid dituntut melapangkan masa selama satu jam sehingga dua jam ataupun lebih untuk memelihara hati dari segala ingatan selain Allah SWT. Selain Allah SWT, jangan ada khayalan yang lain pada fikiran dan hati. *Nigah dasyt* juga bermakna seorang murid mesti memperhatikan hatinya dan menjaganya dengan menghindarkan ingatan yang buruk masuk ke dalam hati. Ingatan dan keinginan yang buruk akan menjauhkan hati dari kehadiran SWT.

4. *Yad Dasyt*

Ia bermaksud mengingati Allah SWT dengan bersungguh-sungguh dengan *Dhouq wijdānī* sehingga mencapai *dawam hudhur* iaitu kehadiran zat Allah SWT secara kekal dan berada dalam keadaan berjaga-jaga memperhatikan limpahan dari sisi Allah SWT.

5. *Hosh Dar Dam*

Hosh bermaksud sedar, *dar* bermaksud dalam, dan *dam* bererti nafas, oleh kerana itu *hosh dar dam* ertinya sedar dalam nafas. Seorang murid hendaklah berada dalam kesedaran bahawa setiap nafasnya yang keluar dan masuk harus berserta kesedaran terhadap kehadiran zat Allah SWT dan hati tidak boleh lalai dan lepas dari kesedaran terhadap kehadiran zat Allah SWT dan dalam setiap nafas hendaklah menyedari kehadiran zatNya.

Menurut Khalifah M. Yaqum,²⁴ maksud utama seorang murid di dalam tarekat ini adalah untuk menjaga nafasnya dan seorang yang tidak dapat menjaga nafasnya dengan baik maka dikatakan kepadanya bahawa dia telah kehilangan dirinya.

6. *Nazar Bar Qadam*

Nazar bermaksud memandangi, *bar* bererti pada, dan *qadam* pula bererti kaki. Maksudnya seorang murid ketika berjalan hendaklah sentiasa memandangi 26ank e26 kakinya dan jangan melebihi pandangan ke tempat lain dan ketika duduk hendaklah sentiasa memandangi ke hadapan sambil merendahkan pandangan. Tidak boleh menoleh ke kiri 26ank e kanan kerana akan menimbulkan fasad yang besar dalam dirinya dan akan menghalangnya mencapai maksud.

7. *Safar Dar Watan*

Safar bermaksud menjelajah, berjalan atau berkunjung, *dar* bermaksud dalam dan *watan* bererti kampung. *Safar dar watan* bermakna berjalan jalan dalam kampung dirinya, iaitu kembali berjalan menuju Tuhan. Seorang murid hendaklah menjelajah dari dunia ciptaan kepada dunia Yang Maha Pencipta.

Seorang murid dalam hal ini berusaha meninggalkan segala sifat-sifat *bashariyyah* (kemanusiawian) yang tidak baik dan meningkatkan dirinya kepada sifat-sifat *malakutiyyah*

²⁴ Muhammad Yaqum, dalam temu bual dengan penulis, 16 Februari 2017.

(kemalaikatan) yang terdiri dari sepuluh maqam iaitu: [1] taubat, [2] inabah [3] sabar [4] syukur [5] qana'ah [6] wara' [7] takwa [8] taslim [9] tawakal dan [10] redha.

8. Khalwat Dar Anjuman

Khalwat bermaksud bersendirian dan *Anjuman* bermaksud khalayak ramai, maka pengertian dari *Khalwat Dar Anjuman* adalah bersendirian dalam keramaian. Dalam bentuk lahirnya, seorang murid bergaul dengan manusia dan dalam batinnya dia kekal bersama Allah SWT.

Tambahan Baha' al-Din Naqshabandi

Demikian beberapa huraian yang dapat ditulis hasil perbincangan penulis dengan Khalifah Muhammad Yaqdum Bin Syeikh Muim al-Wahhab al-Khalidi Naqshabandi di rumah beliau di Besilam Langkat pada 17hb-8hb Februari tahun 2017. Baha' al-Din Naqshabandi telah menerima lapan asas tarekat ini dari Khawajah Abd al-Khaliq al-Ghujduwani dan beliau telah menambahkan tiga asas tarekat iaitu *wuquf qalbī*, *wuquf 'adadī* dan *wuquf zamānī* dan seterusnya menjadikannya sebelas asas tarekat.

Wuquf Qalbī; Mengarahkan penumpuan terhadap hati dan hati pula mengarahkan penumpuan terhadap Allah SWT pada setiap saat dan keadaan. Baik dalam keadaan berdiri, berbaring, berjalan, mahupun duduk.

Wuquf 'Adadī; sentiasa memperhatikan bilangan ganjil ketika melakukan zikir nafi isbat. Zikir nafi isbat ialah lafaz *lā ilāh illā Allāh* dan dilakukan di dalam hati menurut caranya. Dalam melakukan zikir nafi isbat ini, seorang murid hendaklah sentiasa mengawasi bilangan zikir nafi isbatnya itu dalam jumlah bilangan yang ganjil iaitu 7 (tujuh), 9 (sembilan), 19 (sembilan belas), 21 (dua puluh satu), 23 (dua puluh tiga) atau bilangan yang ganjil lainnya. Menurut para *masyaikh* tarekat, bilangan ganjil mempunyai rahsia tersendiri kerana Allah SWT menyukai bilangan yang ganjil dan hal ini akan menghasilkan ilmu tentang rahsia Allah SWT.

Wuquf Zamānī; setiap selepas menunaikan salat, murid bertawajuh kepada hati dan sentiasa memastikan hati dalam keadaan bertawajuh kepada Allah SWT. Dilakukan selama beberapa minit sebelum bangkit dari tempat solat. Kemudian

selang beberapa jam hendaklah memperhatikan kembali keadaan hati untuk memastikan apakah masih dalam keadaan mengingat Allah SWT.

Ketiga-tiga prinsip ini iaitu *wuquf qalbī*, *wuquf 'adadī* dan *wuquf zamānī* adalah tambahan oleh Baha' al-Din Naqshabandi dalam membimbing para murid dan pengikutnya dan menjadi amalan yang tetap dilakukan dalam Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah.²⁵

Penutup

Perkembangan Tarekat Naqshabandiyah di seluruh dunia disebabkan dua faktor; pertama sikap para pembawanya (kaum sufi) yang *tasāmuh*. Kedua, munculnya cabang baharu Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah. Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah di Sumatera Indonesia telah diperkenalkan oleh dua orang tokoh iaitu Ismail al-Minangkabawi dan Abdul Wahab Rokan. Bagaimanapun, ketokohan dan kepimpinan Abdul Wahab Rokan yang berpusat di Tanjung Pura, Langkat telah menjadikan Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah berkembang pesat di Sumatera dan kawasan-kawasan lain di Nusantara. Abdul Wahab Rokan telah menjadikan sebelas ajaran dasar dalam tarekat ini sebagai asas dan amalan dalam pendidikan kerohanian para muridnya sebagaimana amalan tarekat Naqshabandiyah amnya.

Rujukan

- Ahmad Fuad Said. *Hakikah Tarikat Naqsyabandiyah*. Cet. 3, Jakarta: PT al-Husna Zikra, 1999.
- Ahmad Fuad Said. Syeikh Abdul Wahab Guru Babussalam. Cet. 9, (Medan: Pustaka Babussalam 2001.
- Algar, Hamid. *The Naqsyabandi Order: A Preliminary Survei of its History and Signicance*. Jakarta: Studi Islamika, 1979.
- H.M. Bibit Suprpto. *Ensklopedi Ulama Nusantara*. Indonesia: Gelegar Media Indonesia, 2009.
- Hj. W. Muhd. Shaghir Abdullah. *Syekh Ismail al-Minangkabawi Penyiar Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah*. Cet. 1, Solo: CV Ramadhani, 1985.
- Imran Abba. *Di sekitar Masalah Tarekat Naqsyabandiyah*. Kudus: Menara Kudus, 1980.

²⁵ Martin Van Bruinessen, *Tarekat Naqsyabandiyah di Indonesia*, 76.

- Ismail Royan, *Ajaran Tarekat Naqshabandiyah di Malaysia*. Bangi: Bandar Seri Putra, t.t.. Dalam tembual bersama beliau pada 12 September 2017.
- Majelis Ulama Indonesia Sumatera Utara. *Sejarah Ulama-ulama Terkemuka di Sumatera Utara*. Medan: Institut Agama Islam Negeri Aljamaiah Sumatera Utara, 1983.
- Masyhuril Abdul Aziz. *Ensiklopedi 22 Aliran dalam Tasawuf*. Surabaya: Imtiyaz, 2011.
- Mohd Haidhar Kamarzaman. "Pengenalan Terhadap Institusi Tasawuf di Malaysia: Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah." *Proceeding 3rd International Seminar on Islamic Thought*, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018.
- Sri Mulyati. *Tarekat-tarekat Muktabarah di Indonesia*. Jakarta: Kencana, 2004.
- Van Bruinessen, Martin. *Kitab Kuning: Pesantren dan Tarekat*. Bandung: Mizan, 1995.
- Van Bruinessen, Martin. *Tarekat Naqsyabandiyah di Indonesia*. Bandung: Mizan, 1992.
- Zikmal Fuad. *Sejarah dan Metode Dakwah Syeikh Abdul Wahab Rakan*. Jakarta: t.pt., 2002.

